

No. 756.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

STATUT PENASIHAT UNDANG-UNDANG 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Penasihat Undang-Undang 2024.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin; dan

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

Fungsi dan kuasa Penasihat Undang-Undang

3. (1) Maka hendaklah ada seorang Penasihat Undang-Undang yang dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilihan, yang hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti, mengikut seksyen 14 Perlembagaan.

- (2) Tertakluk kepada Akta, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, tugas Penasihat Undang-Undang termasuklah—

- (a) menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang atau apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) menjadi penasihat utama mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga dan mana-mana Pihak Berkuasa Universiti;
- (c) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;

- (d) bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan perundangan Universiti termasuklah—
- (i) menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;
 - (ii) menggubal, menyedia, menyemak dan memperaku surat cara dan dokumen perundangan;
 - (iii) menguruskan hal-hal berkaitan transaksi perundangan; dan
 - (iv) menguruskan hal-hal berkaitan litigasi;
- (e) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan;
- (f) membantu Naib Canselor dalam merancang pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu atau mengarahkan diambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti;
- (g) menyempurnakan apa-apa surat cara dan dokumen perundangan Universiti yang diberi kuasa kepadanya oleh Lembaga untuk disempurnakan;
- (h) memberi nasihat berkaitan urusan tatatertib pelajar Universiti;
- (i) menguruskan dan menjadi urus setia mesyuarat jawatankuasa tatatertib staf;
- (j) melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan; dan
- (k) menjalankan tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

Mewakulkan kuasa

4. (1) Penasihat Undang-Undang boleh mewakulkan mana-mana kuasanya secara bertulis kepada mana-mana pekerja Universiti di Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk membantu dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas Penasihat Undang-Undang.

(2) Perwakilan ini tidak termasuk kuasa untuk menandatangani perjanjian.

Ketiadaan Penasihat Undang-Undang

5. Sekiranya Penasihat Undang-Undang tiada bagi suatu tempoh yang lama atas apa-apa sebab, Pengerusi Lembaga boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pekerja Universiti untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Penasihat Undang-Undang, semasa tempoh ketiadaannya.

Kesahan perbuatan Penasihat Undang-Undang yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

6. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Penasihat Undang-Undang yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN****LEGAL ADVISOR STATUTE 2024**

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Legal Advisor Statute 2024.
- (2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Board” means the University Board of Directors;

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin;
and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

Function and power of Legal Advisor

3. (1) There shall be a Legal Advisor appointed by the Board on the advice of the Selection Committee, who shall serve as full-time officer of the University, in accordance with section 14 of the Constitution.

(2) Subject to the Act, Constitution, Statutes, Rules and Regulations, the duties of Legal Advisor include—

- (a) to be the head of the Legal Advisor's Office or such other names as may be determined by the Board;
- (b) to be the principal advisor on legal affairs related to the University to the Board and any Authorities of the University;
- (c) to be an *ex-officio* member of the Board and the Senate;
- (d) to be responsible for legal matters relating to the University including—
 - (i) to advise the University in all legal affairs;
 - (ii) to draft, prepare, review and approve legal instruments and documents;
 - (iii) to manage matters related to legal transactions; and
 - (iv) to manage litigation matters;
- (e) to be a member of the University Management Committee and any other committees as prescribed by the Constitution, Statutes, Rules and Regulations;
- (f) to assist the Vice-Chancellor in planning a strategic plan and taking necessary steps or directing the necessary steps to realise the strategic plan in accordance with the vision and mission of the University;
- (g) to execute any legal instrument and documents of the University as the Board has authorised him to execute;
- (h) to advise on disciplinary matters of students of the University;
- (i) to manage and become the secretariat of staff disciplinary committee meetings;
- (j) to exercise any other powers and perform any other duties, and take necessary actions in the exercise of the powers and performance of the duties as prescribed by the Constitution, Statutes, Rules and Regulations; and
- (k) to perform tasks and other functions as instructed by the Vice-Chancellor from time to time.

Delegating power

4. (1) The Legal Advisor may delegate any of his powers in writing to any employee of the University in the Office of Legal Advisor to assist in the proper performance and exercise of the duties of the Legal Advisor.

(2) This delegation shall not include the power to sign an agreement.

Absence of Legal Advisor

5. Where the Legal Advisor is absent for an extended period due to any reason, the Chairperson of the Board may authorise, in writing, any employee of the University to exercise all or any duties of the Legal Advisor, during the period of absence.

Validity of acts of Legal Advisor exercising the duty in question before the coming into operation of Statute

6. No acts or omissions by the Legal Advisor who exercises his duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Chancellor
Universiti Sultan Zainal Abidin